



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

PROGRAM BACK TO SCHOOL - 2020

9 DISEMBER 2019 (ISNIN)

12.30 TENGAHARI

**DEWAN SERBAGUNA
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

ALUAN

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera, Salam Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi.

YBhg. Datuk Hajah Rosida Binti Jaafar,

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan,

YBhg. Dato Siti Fatimah Binti Daud,

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan Dan Pembangunan), Kementerian Wilayah Persekutuan

Encik Zaizalnizam Zainun,

Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan,

YBrs. Tn Hj. Abdullah Bin Daud,

Pengerusi Kelab Kebajikan Dan Sukan KWP
(KESWIP),

Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Ahli-Ahli
KESWIP, Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Sekalian.

Alhamdulillah, Syukur Ke Hadrat Allah SWT
dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita
sama-sama berkumpul di Dewan Serbaguna pada
hari ini bagi **Program Sumbangan *Back To
School*** kepada anak-anak warga KWP.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi
penghargaan kepada barisan AJK KESWIP dan
penerima sumbangan yang hadir memeriahkan

Program *Back To School* pada hari ini. Tidak dilupakan Yayasan Wilayah Persekutuan yang turut serta dalam program ini sebagai penyumbang baucar Riang Ria Kembali Ke Sekolah anjuran Yayasan Wilayah Persekutuan.

TUJUAN PROGRAM *BACK TO SCHOOL*

Program *Back To School* merupakan salah satu program amal bagi memberi bantuan dan sumbangan kepada warga kementerian seterusnya meringankan beban mereka dalam menyediakan keperluan anak-anak yang masih bersekolah.

KESWIP dengan kerjasama Pejabat YB Menteri Wilayah Persekutuan telah menyediakan

peruntukan kepada 150 orang penerima bantuan bagi program tersebut. Keutamaan bantuan tersebut adalah kepada kumpulan pelaksana iaitu anak-anak warga dalam kalangan gred 40 ke bawah. Bantuan yang diberikan adalah sebuah beg sekolah dan baucer kelengkapan persekolahan.

Syarat-syarat kelayakan penerima bantuan adalah ibu / bapa / penjaga adalah daripada kumpulan pelaksana di Kementerian Wilayah Persekutuan, penerima adalah pelajar sekolah rendah dan menengah (sehingga ke tingkatan 5) pada tahun 2020 dan sumbangan diberikan kepada maksimum dua (2) orang penerima setiap keluarga.

Saya dimaklumkan bahawa jumlah keseluruhan penerima sumbangan persekolahan bagi tahun 2020 daripada KESWIP adalah seramai 150 orang. Bagaimanapun, pada hari ini hanya seramai 141 penerima yang akan menerima sumbangan kerana baki 9 penerima lagi adalah daripada Mahkamah Anak Negeri Wilayah Persekutuan Labuan (MAN). Penyerahan sumbangan kepada MAN akan dibuat melalui kaedah lain disebabkan faktor jarak.

Tuan/Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

Selain daripada bantuan dari KESWIP, sukacita ingin saya umumkan bahawa Yayasan Wilayah Persekutuan di bawah Program Riang Ria Kembali Ke Sekolah turut berbesar hati

memberikan sumbangan kepada kakitangan kumpulan pelaksana di Kementerian Wilayah Persekutuan yang berpendapatan rendah. Sumbangan tersebut berupa baucar bernilai RM120 kepada 50 orang anak-anak yang mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah. Baucar ini boleh ditebus di mana-mana pusat penebusan terpilih Starvillion sehingga 31 Januari 2020 bagi mendapatkan barang keperluan persekolahan iaitu 3 pasang uniform sekolah, 2 pasang stokin dan 1 helai baju t sukan berwarna putih.

Tuan/Puan Yang Saya Hormati Sekalian,

Pejabat Menteri Wilayah Persekutuan sentiasa menyokong penuh setiap usaha yang dijalankan

KESWIP dalam menjaga kebajikan warga KWP dan sedia membantu jika memerlukan. Walaupun sudah memasuki bulan Disember, KESWIP masih melaksanakan program untuk ahli KESWIP. Ini adalah kerana sokongan yang padu daripada ahli KESWIP sendiri memastikan KESWIP terus aktif sepanjang tahun.

Kerjasama utuh antara KESWIP dan Pengurusan Kementerian perlu terus diperkasa untuk memastikan pelaksanaan program KESWIP yang selari dan mendokong hala tuju Kementerian dan kerajaan. Saya juga amat menghargai penyertaan daripada syarikat swasta mahu pun badan bukan kerajaan yang seikhlas hati memberi sumbangan kepada warga kementerian yang memerlukan.

PENUTUP

Akhir kata, saya berharap agar KESWIP terus maju jaya dalam apa-apa yang dirancang dan dilaksanakan. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yayasan Wilayah Persekutuan yang bersama-sama hadir menyokong usaha murni ini dan berharap kerjasama seumpama ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.